

19 OCT 2001

APEC-ABAC

ABAC DIBUKA DI SHANGHAI, TUMPUAN KEPADA PEMBUKAAN PASARAN

Oleh: Ridzuan Zulkifli

SHANGHAI, 19 Okt (Bernama) -- Mesyuarat Majlis Penasihat Perdagangan APEC (ABAC) yang keempat dibuka di sini hari ini dengan azam untuk lebih agresif mendesak ke arah pembukaan pasaran dan tumpuan kepada pembangunan bersama.

ABAC merupakan suara rasmi sektor swasta dalam APEC. Ia telah ditubuhkan oleh pemimpin-pemimpin Apec dalam tahun 1995.

Mesyuarat bermula dengan sesi pleno pertamanya dengan tumpuan terhadap dialog antara para anggota ABAC dan pemimpin APEC dan penyertaan anggota ABAC di dalam aktiviti-aktiviti Sidang Kemuncak CEO APEC.

Dialog antara anggota ABAC dan pemimpin APEC yang dijadualkan berlangsung esok akan menjadi tumpuan utama sesi berkenaan.

Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menghadiri dialog berkenaan bersama-sama dengan rakan sejawatan APEC yang antaranya termasuklah Presiden AS George W. Bush, Presiden Rusia Vladimir Putin, Presiden Mexico Vicente Fox dan tuan rumah, Presiden China Jiang Zemin.

Ketika berlangsungnya dialog berkenaan, pemimpin-pemimpin ekonomi APEC dan anggota-anggota ABAC bebas untuk melontarkan sebarang pertanyaan sama ada mengenai laporan ABAC yang dikemukakan tidak lama dulu kepada anggotan-anggota APEC terhadap perkara berhubung isu-isu penting kepada perniagaan di dalam rantau Asia Pasifik ataupun lain-lain topik berkepentingan bersama.

Laporan itu yang bertajuk "Pembangunan Bersama menerusi Pembukaan Pasaran, Membina Kapasiti dan Penyertaan Penuh", telah memberi penekanan ke atas kelembapan ekonomi sejagat, merealisasikan matlamat Bogor dan globalisasi.

ABAC menyedari yang ekonomi-ekonomi APEC patut mengukuhkan lagi pembinaan kapasiti mereka dan menggalakkan penyertaan secara meluas masyarakat perniagaan bagi mencapai sasaran pembukaan pasaran, yang mana dengan cara ini sahaja, ekonomi-ekonomi APEC boleh berkongsi kejayaan ledakan ekonomi yang terhasil daripada globalisasi dan mencapai pembangunan bersama.

Sesi pleno itu termasuklah mesyuarat-mesyuarat biasa ABAC, yang akan mengkaji dan meringkaskan kerja-kerja tahun lepas dan mengaturkan pemindahan isu-isu dengan pengerusi ABAC tahun depan, Mexico.

Sejumlah 179 delegasi ABAC daripada 21 ekonomi APEC menghadiri mesyuarat hari ini, iaitu jumlah penyertaan terbesar berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Ia dipengerusikan oleh Naib Presiden Perbadanan Amanah dan Pelaburan Antarabangsa China (CITIC), Qin Xiao.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan menjelang mesyuarat itu, Qin berkata wakil-wakil masyarakat perniagaan APEC percaya yang ekonomi-ekonomi mereka perlu lebih agresif dalam mendesak ke atas pembukaan pasaran.

Pada masa yang sama, mereka mencapai kata sepakat yang pembukaan pasaran sahaja tidak dapat memberi jaminan yang semua ekonomi APEC akan mendapat manfaat daripada globalisasi, kata beliau.

Qin menegaskan selain daripada memperluaskan pembukaan pasaran-pasaran, ekonomi-ekonomi APEC perlu bekerjasama memperbaiki kapasiti kerajaan dan perusahaan mereka dalam pembinaan kerangka kerja institusi, pembangunan sumber manusia dan tadbir urus korporat, yang amat penting dalam berurusan dengan ekonomi sejagat yang kian sofistikated.

Beliau berkata anggota-anggota ABAC juga bersetuju yang ekonomi-ekonomi

APEC perlu bekerjasama bagi memastikan yang semua ekonomi, semua jenis dan saiz perusahaan dan semua orang menyertai dalam proses globalisasi.

"Pendekatan yang seimbang ke arah globalisasi yang menggabungkan pembukaan pasaran, pembinaan kapasiti dan penyertaan penuh amat penting kerana ketiga-tiga elemen ini memperkuatkan satu sama lain," demikian menurut laporan tahunan ABAC yang akan dikemukakan kepada pemimpin-pemimpin APEC pada mesyuarat tidak rasmi 2001 hujung minggu ini. -- BERNAMA

RBZ SHY AA